

Isu perubahan iklim, risiko bencana perlu diberi perhatian

Malaysia berdepan tiga bencana alam utama, iaitu banjir, banjir kilat dan tanah runtuh. Umumnya, hujan lebat dibawa angin monsun timur laut adalah faktor semula jadi utama menyebabkan berlaku bencana banjir.

Namun, faktor campur tangan keterlaluan manusia melalui aktiviti pembangunan dan perlakuan tidak lestari memburukkan lagi kejadian banjir di sesuatu kawasan.

Selain itu, akibat fenomena pemanasan global, iklim menjadi tidak menentu dengan musim hujan dan kemarau menjadi semakin ekstrem menyebabkan proses banjir menjadi lebih serius serta luar jangkaan.

Misalnya, jika banjir sebelum ini, limpahan air sungai hanya mencapai dua meter, banjir di Kelantan pada 2014 mengakibatkan limpahan air banjir mencapai 10 meter dan menyebabkan kerugian infrastruktur dan aset awam RM200 juta tidak termasuk kerugian orang persendirian dan perniagaan.

Banjir boleh ditafsirkan sebagai kuantiti air sangat banyak atau berlebihan yang boleh menenggelamkan suatu kawasan luas atau harta benda melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya serta memerlukan tindakan pengembelian sumber ekstensif.

Terdapat keperluan segera untuk mengutamakan penyesuaian perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana dengan menjadikan sebagai agenda arus perdana dalam perancangan pembangunan.

Keutamaan lain perlu ditangani ialah penebangan hutan atau salah urus hutan kerana penebangan dan kemerosotan hutan adalah faktor penyumbang utama dalam mencetuskan kesan banjir di samping hujan akhir tahun berpanjangan dan lebih lebat daripada biasa.

Apabila hutan ditebang untuk pembalakan dan pembukaan kawasan baharu, daya tampungan hutan untuk menyimpan air hujan berkurangan, akibatnya aliran air di permukaan menjadi lebih pantas dan pengumpulan air hujan ke dalam sungai juga menjadi sangat pantas.

Oleh itu, setiap kali hujan lebat, paras air sungai akan naik dengan pantas dan banjir luar biasa mudah terjadi.

Menukarkan hutan semula jadi kepada ladang monokultur juga menyumbang terhadap kemusnahan yang kita saksikan baru-baru ini kerana ladang bukan hutan dan tidak memainkan peranan sebagai fungsi ekologi sama seperti hutan semula jadi dalam mencegah banjir.

Antara langkah boleh diaplikasi dalam menebat banjir adalah melaksanakan pemuliharaan hutan, pemuliharaan dan penanaman semula di kawasan terjejas dengan pelbagai spe-

sies hutan amat kritikal.

Jika tiada sebarang tindakan adaptasi dan tebatan, kita bakal mengalami bencana banjir lebih besar pada masa hadapan. Justeru, banyak yang boleh kita pelajari daripada pengalaman banjir besar di beberapa negeri pada bulan lalu.

Langkah utama mengatasi banjir adalah dengan mempunyai dasar, perancangan dan pelan tindakan mengurangkan risiko banjir yang mantap. Pelan ini perlu diintegrasikan dengan pelan pembangunan sosial dan ekonomi supaya dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan.

Zon penampungan sepanjang pesisir sungai sangat perlu untuk menghindari proses hakisan tebing dan kemusnahan penempatan penduduk. Namun, tindakan utama adalah memperkasa komuniti setempat dalam mendepani bencana banjir.

Komuniti setempat ialah kelompok manusia tinggal bersama di sesuatu tempat, berinteraksi dan seterusnya membentuk budaya serta peraturan tertentu. Memperkukuh dan mengaplikasi sepenuhnya Pelan Pengurusan Bencana dalam kalangan komuniti sangat penting.

Ia bukan bertujuan menghalang berlakunya bencana, tetapi mengurangkan kesan bencana terhadap kawasan penempatan, harta benda dan nyawa penduduk melalui penyelarasian terhadap bentuk bencana di kawasan berkenaan.

Kesejahteraan masyarakat ialah prasyarat utama dalam menjana suasana lebih terarah kepada kebahagiaan dan keamanan yang sebenarnya penting dalam sesebuah komuniti, bahkan dalam sesebuah negara.

Dalam konteks masyarakat, tiga elemen penting mempengaruhi aspek kemudahterancaman terhadap bencana persekitaran ialah sensitiviti terhadap bencana, keupayaan daya tahan dan kebolehan dalam mengadaptasi kea-

daan bencana.

Persepsi dan tanggapan individu serta komuniti terhadap isu banjir ialah faktor sangat signifikan dalam menentukan perancangan dasar serta program kesiapsiagaan terhadap bencana persekitaran walaupun tahap sensitiviti, daya tahan dan adaptasi masyarakat terhadap bencana adalah suatu abstrak dan sukar diukur.

Keyakinan seseorang boleh dibentuk melalui pendidikan sama ada formal ataupun tidak formal.

Program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) membatinkan semua peringkat masyarakat perlu diperkukuh untuk meningkatkan kesedaran, adaptasi dan mitigasi banjir serta pemuliharaan sumber asli dalam menebat bencana banjir.

Pengetahuan dan kesedaran lebih baik kalangan komuniti akan membawa kepada perubahan pemikiran, tingkah laku dan tabiat. Tambahan pula, faktor pengetahuan dan kesedaran terhadap sesuatu aspek bencana menjadi asas dalam membentuk tindakan adaptasi komuniti terhadap sesuatu bencana.

Hal ini disebabkan pengetahuan dan kesedaran akan membentuk sikap serta membawa kepada tindakan untuk beradaptasi ketika berhadapan dengan bencana banjir.

Penyertaan Awam Dalam Perancangan Gunatanah dan pengaplikasian Pengetahuan Masyarakat Tempatan dalam menghadapi risiko bencana juga harus diberi perhatian sewajarnya.

Oleh itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu merangka program *capacity building*, latihan dan meningkatkan pengetahuan berhubung pelan pembangunan serta pelan pengurusan risiko bencana kepada masyarakat setempat.

Daripada perspektif mengurangkan risiko bencana, peranan individu dan komuniti menjadi asas dalam menjaga harta benda serta keselamatan ma-

sing-masing ketika bencana banjir melanda perlu diberi penekanan.

Kerajaan seharusnya bertindak sebagai pemudah cara memperkasa komuniti berhadapan dengan risiko. Justeru, aktiviti mengurangkan risiko kalangan komuniti berhadapan bencana banjir perlu diutamakan.

Aspek kesiapsiagaan komuniti tempatan terhadap risiko bencana adalah penting bagi mengelakkan kadar kehilangan nyawa dan harta benda tinggi.

Menambah baik komunikasi dan kesedaran masyarakat setempat, persatuan masyarakat sivil serta sektor swasta juga memainkan peranan penting dalam kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan bencana.

Usaha berterusan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran, membina keupayaan dan memperkasa kumpulan berkenaan bagi mengambil langkah awal dalam menghadapi bencana.

Sebagai contoh, latihan berskala besar dan membabitkan semua sektor di kawasan sering dilanda bencana boleh membantu komuniti menangani senario bencana alam.

Strategi komunikasi dan platform antara agensi berkaitan dengan pengurusan bencana serta antara kerajaan dengan rakyat perlu diwujudkan untuk membolehkan penyelarasian lebih baik dan tindak balas lebih pantas.

Akhirnya, masyarakat juga harus diberi kesedaran berterusan bahawa bencana alam seperti banjir sering kali berlaku tanpa diduga, justeru adalah amat penting menjaga dan menghargai alam semula jadi melalui interaksi lestari dalam segala aspek kehidupan.

Penulis adalah Ketua Laboratori, Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM)



Aspek kesiapsiagaan komuniti tempatan terhadap risiko bencana seperti banjir adalah penting bagi mengelakkan kadar kehilangan nyawa dan harta benda tinggi. (Foto hiasan)